

DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



*Decrypt your
visual creativity*

DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



Strategic
Partners:



Lembaga Muzium
Negeri Kedah



Suan Sunandha Rajabhat
University, Thailand



Far Eastern University
Philippines



Hanseo University
Korea



كليات التقنية العليا
HIGHER COLLEGES OF TECHNOLOGY

United Arab Emirates

DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



Copyright ©2021
by the Faculty of Art and Design,
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah Branch

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, copied, stored in any retrieval system or transmitted in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without the prior permission from the Rector, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah Branch, 08400 Merbok, Kedah, Malaysia.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

Cover Design : Neesa Ameera Mohamed Salim
Layout Design : Neesa Ameera Mohamed Salim
 : Syahrini Shawalludin
 : Abdullah Kula Ismail

Chief Editors : Neesa Ameera Mohamed Salim
 Faryna Mohd Khalis

ISBN 978-967-2948-13-1

Editors : Ts. Normarziana Hassan
 Juaini Jamalludin
 Syahrini Shawalludin
 Siti Fairuz ibrahim
 Abdullah Kula Ismail

Printed by

Sinaran Bros. Sdn Bhd (No. 3968-X)
Percetakan-Offset-Digital-Penjualan
5-3-18, The Promenade,
Permaisuri Mahsuri,
11950, Bayan Baru,
Pulau Pinang, Malaysia
sinaranbros.digital@gmail.com

Muhammad Haikal Najdmie Hairul Nizam Mohd Zamri Azizan

Dodecorona

Saban hari, pandemik wabak Covid-19 masih belum dapat diisytiharkan tamat dek kerana bilangan kes baharu yang kian melonjak naik sehinggakan kerajaan mengeluarkan arahan perintah kawalan pergerakan berkali-kali di negara kita dengan harapan agar wabak ini tidak bertambah parah. Namun situasi sekarang masih tidak ketentuan di mana negara kita setiap hari merekodkan jumlah kes baharu yang tiada penamatnya. Pengkarya akhirnya mendapat idea dan ilham untuk menghasilkan sebuah karya di mana misi dan visinya adalah untuk memberi kesedaran tentang isu global ini kepada penonton. Model tiga dimensi (3D) yang dihasilkan ini diinspirasi dari bentuk semula jadi virus berbahaya yang dewasa ini aktif merebak di seluruh dunia dan senantiasa di bibir masyarakat iaitu virus Covid-19. Cetusan idea baru telah dilakukan secara berperingkat-peringkat dan akhirnya satu olahan bentuk yang unik yang dinamakan Dodecorona diumumkan sebagai pernyataan seni yang baru dan metafora kepada struktur virus covid-19. Ia merupakan gabungan dua nama iaitu nama geometrianya "dodecahedron" dan nama virus itu sendiri iaitu "corona".

Media utama yang diguna pakai oleh pengkarya adalah "cardboard". Tujuan utama pengkarya menggunakan media tersebut adalah untuk mempraktikkan sifat mengitar semula dan menyebarkan ideologi di mana bahan-bahan kitar semula juga mampu menghasilkan sesuatu karya yang indah. Tambahan pula dengan keadaan ekonomi negara pada ketika ini dilihat tidak begitu stabil disebabkan arus pandemik yang bertali arus maka lebih baik untuk tidak berboros. Dalam mengendalikan media ini, pengkarya memerlukan kesabaran dan sentiasa waspada kerana "cardboard" itu sendiri bersifat lembut dan mudah terkoyak jika tidak berhati-hati. Untuk memberi kekuatan terhadap kepingan "cardboard" yang pelbagai saiz dan bentuk ini pula pengkarya mengambil pendekatan dengan menggunakan "putty filler" untuk mengubah sifat asal "cardboard" kepada sifat dan kualitinya seperti papan karya ini tahan lasak dan dapat bertahan untuk tempoh yang lama.

Di peringkat akhir pengolahan idea, pengkarya telah mengolah bentuk asal struktur virus daripada bentuk sfera kepada bentuk "dodecahedron" yang terdiri daripada dua belas muka berbentuk pentagon yang dicantumkan. Bagi pengkarya penggunaan bentuk geometri yang ditonjolkan ini membawa maksud kukuh, kuat dan juga tidak dilupakan untuk menyedarkan masyarakat bahawa virus Covid-19 ini perlu dipandang serius dek kerana pandemik ini sangat berkuasa dan berkeupayaan untuk melumpuhkan nilai nyawa manusia dengan apa cara sekalipun jika kita alpa dan tidak melakukan prevensi dengan kadar



MUHAMMAD HAIKAL NAJDMIE HAIRUL NIZAM
Dodecorona

Mixed Media
8 in x 8 in x 8 in
haikalnajdmie87@gmail.com

yang menyeluruh. Dalam menghasilkan karya ini juga pengkarya seboleh-bolehnya mahu mengekalkan ciri-ciri asal yang terdapat pada struktur Covid-19 yang asli namun dimujaradkan dengan kadarbeberapa peratus. Justeru, sebelas duri-duri tajam yang berbentuk "pentagonal pyramid" di sekeliling model ini dikekalkan untuk mentakrif stem yang terdapat di sekeliling struktur asli Covid-19 itu sendiri.


Penggunaan warna yang diguna pakai oleh pengkarya pula adalah diadaptasikan daripada warna yang digunakan pada kebanyakan "safety sign". Hal ini kerana pengkarya mahu mengekalkan sifat Covid-19 itu sendiri yang berbahaya dan mampu mengancam nyawa masyarakat. Kombinasi dua warna yang diterapkan iaitu warna kuning dan juga hitam adalah sebagai tanda amaran dan berbahaya kepada penonton seperti mana mereka melihat mana-mana "safety sign" yang meminta agar kita sentiasa berhati-hati dalam apa jua situasi. Juga tidak terkecuali penambahan warna putih adalah untuk menambahkan nilai kontra ke atas model ini. Nilai kontra yang diterapkan bertujuan untuk memberi impak ke atas hasil karya ini. Karya yang juga mempunyai rongga di sekelilingnya ini diberi nilai tambahan dengan aplikasi lampu agar dapat memberi satu kesan dramatik dan persepsi yang berbeza terhadap virus covid-19 yang amat digeruni manusia sejagat. Ia juga merupakan satu keistimewaan di mana selain mempunyai nilai estetik yang tersendiri ianya juga mampu berfungsi dan dapat memberi kegunaan kepada orang lain.



DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



ISBN 978-967-2948-13-1



9 789672 948131

